

# *Imamah: Beberapa Sudut Pandangan Mazhab Syiah*

Prof. Madya Alias Othman

## **Abstract**

*The article attempts to elaborate the concept of Imamah (Leadership) in the light of the Shite School. The discussion focusses on three of its aspects: Imamah in terms of belief (aqidah), the divinity of an Imam and the disappearance not the death of an Imam*

Pada dasarnya ada tiga asas pandangan mazhab Syiah tentang persoalan *Imamah*, iaitu pertama: Persoalan *Imamah* adalah persoalan akidah di mana ia merupakan salah satu dari rukun Islam. Perlantikan Imam juga berlaku melalui nas dan bukan melalui pemilihan. Kedua: Imam itu maksum sama seperti nabi. Ketiga: Imam ghaib, bukan mati.

### ***Imamah* Persoalan Akidah**

Mazhab Syiah berpendapat persoalan *Imamah* tergolong ke dalam masalah akidah tulin. Menurut al-Syirazi masalah *Imamah* adalah masalah usuluddin yang paling besar, kerana ia adalah persoalan taat kepada Allah dan Rasulnya. Begitu juga

kata beliau, penegakkan Syariat dan jihad bergantung kepada persoalan *Imamah*.<sup>1</sup>

Imam al-Ridha dalam *Musnadnya* merakamkan bahawa *Imamah* merupakan tunggak agama dan sistem kepada umat Islam. Menurut beliau *Imamah* adalah kebaikan dunia dan keagungan orang-orang mukmin dan ia adalah asas Islam yang sentiasa tumbuh dan cabangnya yang sentiasa memuncak tinggi.<sup>2</sup>

Dalam konteks ini, Syiah berpendapat *Imamah* sama dengan *Nubuwwah* dari sudut tabiat dan tanggungjawab. Imam mengambil tempat nabi. Nabi muballigh kepada syariat sementara imam penjagaannya serta hujjah dan sumber utama Syariat. Malah pada pandangan mazhab ini imam sumber yang tunggal kepada Syariat.

Ini bererti bahawa, bagi Syiah, *Imamah* sama dengan rukun Islam yang lain, iaitu solat, puasa, zakat dan haji. Dalam *al-Kafi* di sebutkan: Seorang lelaki telah bertanya kepada Abu Ja'afar Muhammad bin 'Ali ZainalAbidin;

Ceritakan kepada saya tentang perlantikan 'Ali, adakah dari Allah atau dari Rasul. Abu Jaafar marah dan berkata: Celaka kamu, Rasulullah lebih takut kepada Allah untuk memperkatakan sesuatu yang tidak diperintahkan Allah kepadanya.

Malah beliau menganggapnya fardu seperti fardu solat, zakat, puasa dan haji. Allah memfardukan 5 perkara kepada manusia. Mereka mengambil dan meninggalkan satu, solat, kemudian turun zakat, kemudian turun puasa kemudian turun haji dan kemudian turun pula *Wilayah* (*Imamah*).<sup>3</sup>

Oleh itu bagi Syiah siapa yang menolak persoalan *Imamah* adalah kafir, sama seperti menolak *Nubuwwah*. Kerana jahil dan tidak mengetahui tentang kedua-dua perkara ini sama sahaja. Sebabnya, titik tolak *Imamah* ialah titik tolak nubuwah, objektif nubuwah ialah juga objektif *Imamah* itu. Kalau *Nubuwwah* itu *Lutf*, *Imamah* juga *Lutf*, saat-saat genting pemunculan *Nubuwwah* di Hari al-Dar (Hari Rasulullah menghimpunkan keluarganya dan mengajak mereka menganut Islam) itulah juga detik pemunculan *Imamah* ... Dengan itu dakwah berterusan dengan dua lidah: *Nubuwwah* dan *Imamah* - dalam satu laluan. Malah *Imamah* mempunyai keistimewaan berbanding *Nubuwwah* kerana ia berterusan menunaikan risalah setelah tamatnya peranan *Nubuwwah*. Sesungguhnya *Nubuwwah* itu *Lutf* khas dan *Imamah* itu *Lutf* am.<sup>4</sup>

Golongan Syiah sentiasa mengelak diri dari mengemukakan sebarang pendapat mengenai persoalan agama. Dalam konteks ini Ibn Mutahhar al-Huli telah menggambarkan bagaimana para imam memperolehi hukum Syarak. Beliau menjelaskan caranya ialah dengan menerima wahyu Ilahi dan ilmu Rabbani, bukan dengan pendapat dan qiyas, bukan juga dengan ijtihad manusia.<sup>5</sup>

Oleh kerana persoalan *Imamah* adalah persoalan akidah dan manusia tidak campurtangan dalam urusannya, Syiah berpendapat bahawa perlantikan imam adalah wajib ke atas Allah.

Bagi mazhab Syiah perlantikan para imam bukan urusan manusia, sama keadaannya dengan urusan perlantikan para nabi. Manusia tidak boleh campurtangan. Bagi mereka, pemilihan mestilah natijah dari pengetahuan tentang keadaan orang yang dipilih. Tidak ada yang mengetahui semua keadaan orang yang dipilih kecuali

Allah sahaja. Begitu juga pemilihan bererti mengambil yang baik. Oleh itu bagaimana seseorang mampu mengambil kebaikan dari sesuatu perkara sedangkan beliau sendiri tidak mengetahui kebaikan sesuatu itu.<sup>5</sup> Bagi mereka *Imamah* adalah *Lutf* iaitu sesuatu yang boleh membawa hamba lebih dekat kepada taat dan jauh daripada maksiat.<sup>6</sup>

Bagi golongan Syiah, ketentuan perlantikan ‘Ali sebagai imam berlaku dari Allah, bukan dari Rasulullah s.a.w. Peranan Rasulullah s.a.w. dalam masalah ini hanyalah sebagai penyampai kepada umat sahaja. Mereka berpendapat jawatan *Imamah* tidak berlaku kecuali dengan nas perlantikan dari Allah, melalui lidah Nabi Muhammad atau lidah imam yang terdahulu.<sup>7</sup>

Di antara nas perlantikan imam yang mereka pegang ialah firman Allah di dalam al-Quran maksudnya:

*Sesungguhnya wali kamu ialah Allah dan Rasul-Nya dan orang yang beriman, mereka mendirikan solat, mengeluarkan zakat pada hal mereka ruku’.*

(al-Ma’idah: 55)

Menurut Syiah, sebab turun ayat ini ialah kejadian ‘Ali memberi sedekah kepada seorang peminta sedekah sewaktu beliau dalam keadaan ruku’ ketika menuaikan solat. Barang yang disedekahkannya itu ialah sebentuk cincin. Bagi Syiah “wakil” dalam ayat ini bererti orang yang akan mengurus urusan kamu yang wajib kamu taat, dan “orang yang beriman” dalam ayat ini bermaksud “amir al-Mukminin”. Oleh itu dengan sabitnya dua sifat ini maka sabitlah “Ali” sebagai imam kepada kita.<sup>8</sup>

Selain dari ayat di atas, nas yang dipegang oleh Syiah ialah hadis *al-Ghadir*, yang bermaksud:

*Siapa yang aku jadi walinya maka ‘Alilah walinya.’*<sup>9</sup>

Syiah amat mengambil berat tentang hadis ini. Buktinya, hadis ini, yang dikenali dengan hadis *al-Ghadir* telah diriwayatkan dalam sebilangan besar buku-buku Syiah. Setiap riwayatnya akan menambah sesuatu yang dapat membuktikan kesempurnaan dan keindahannya. Kitab-kitab Syiah telah menghimpunkan perawiperawi hadis ini dan membincangkan riwayatnya dari para sahabat, tabi’in dan yang selepasnya, hingga dapat melahirkan sebuah kitab besar yang mengandungi enam belas jilid dinamakan; *al-Gadir fi al-Kitab Wa al-Sunnah Wa al-Adab*, ditulis oleh seorang tokoh ulama dan menjadi hujjah mazhab Syiah, al-Syeikh AbdulHusain Ahmad al-Amini al-Najfi.<sup>10</sup>

Syiah mengaitkan hadis *al-Ghadir* dengan ayat 67 surah *al-Ma’idah* yang mengarahkan Rasulullah s.a.w. menyampaikan apa yang diturunkan Allah kepadanya di samping menjelaskan sekiranya baginda tidak berbuat demikian baginda belum lagi menyampaikan risalah Allah. Bagi mereka, yang diarahkan supaya Rasulullah sampaikan ialah nas tentang *Imamah* ‘Ali yang disebut secara umum dalam ayat 59

surah *al-Nisa'* yang mengarahkan orang-orang yang beriman supaya taat kepada Allah, Rasul dan Uli al-'Amri.<sup>11</sup>

Syiah tidak menyerahkan persoalan *Imamah* kepada umat. Malah menjadikannya urusan Allah. Syiah tidak percaya kepada kelayakan umat untuk memikul amanah *Imamah* dan amanah mempertahankan Syariat agama. Mereka berpendirian bahawa syariat Nabi mesti ada penjaganya. Penjaga Syariat mungkin seluruh umat atau sebahagian dari mereka. Umat tidak boleh jadi penjaga kepada Syariat, kerana umat mungkin lalai, lupa, melakukan kerosakan atau membelaikan apa yang ia tahu. Sesuatu yang boleh berlaku ke atas seorang mungkin juga berlaku ke atas seluruh umat secara keseluruhan, kerana kesemua umat adalah gabungan dari individu-individu umat. Oleh kerana individu tidak maksum maka umat secara keseluruhan juga tidak maksum. Oleh itu Syariat memerlukan penjaga yang maksum yang dipercayai tidak meminda, mengubah atau lalai, supaya dengan itu semua mukallaf dapat menerima perkataannya.<sup>12</sup>

Oleh kerana umat tidak berhak melantik ketua negara, maka bagi Syiah semua ayat-ayat al-Quran yang membicarakan tentang orang-orang mukmin, ahli al-zikri, kaum Nabi Muhammad s.'a.w. dan keluarga baginda, orang-orang yang mendapat hidayah, orang-orang yang bertakwa dan lainnya, ditujukan kepada sekumpulan kecil sahaja daripada umat Islam, iaitu 'Ali, Fatimah, Hasan, Husain dan keturunan mereka. Mereka inilah sahaja yang dimaksudkan dalam ayat seperti di atas. Mereka sahajalah yang digelarkan dengan sifat-sifat berkenaan. Sebagai contoh, ayat-ayat berikut yang mengandungi pengertian yang umum telah dikhususkan untuk satu golongan sahaja.

1. "... dan mereka berkata kepada orang-orang yang kafir". Mereka itulah yang lebih mendapat petunjuk jalan daripada orang-orang yang beriman" - (*al-Nisa'* 4:51).
2. "... ataukah mereka hasad kepada manusia di atas apa yang telah Allah berikan kepada mereka dari anugerahnya." - (*al-Nisa'* 4:54).
3. "Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu menunaikan amanah kepada yang ampunyanya." - (*al-Nisa'* 4:58).
4. "Sesungguhnya wali kamu ialah Allah, Rasulnya dan orang-orang yang mendirikan solat, mengeluarkan zakat padahal mereka ruku" - (*al-Ma'idah* 5:55)
5. "Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan hendaklah kamu bersama-sama dengan golongan sadiqin." - (*al-Taubah* 9:119).

6. Katakanlah (Hai Muhammad) Beramallah, Allah, Rasul dan para mukminin akan melihat amal kamu." - (*al-Taubah* 9:105)
7. "Demikianlah kami jadikan kamu umat yang pertengahan supaya kamu menjadi saksi ke atas manusia dan (supaya) Rasul menjadi saksi ke atas kamu" - (*al-Baqarah* 2:143).
8. "Hai orang-orang yang beriman, ruku'lah, sujudlah, sembahlah Tuhan kamu, lakukanlah kebaikan, mudah-mudahan kamu berjaya. Berjihadlah pada jalan Allah dengan bersungguh-sungguh Dia (Allah) telah memilih kamu dan menamakan kamu "muslimin"." - (*al-Haj* 22:77-78).
9. "Katakanlah (hai Muhammad) cukuplah Allah menjadi saksi antara aku dan kamu dan orang yang padanya (ada) ilmu (tentang) kitab." - (*al-Ra'd* 13/42).
10. "Sesungguhnya ia adalah peringatan bagi mu dan kaum mu dan kamu akan disoal." - (*al-Zukhruf* 44:44).
11. "Dan tiada yang mengetahui pentakwilannya kecuali Allah dan orang-orang yang mantap ilmunya." - (*Ali Imran* 3:7).

Bagi Syiah, orang-orang yang beriman dalam ayat-ayat nombor 1, 4 dan 6, manusia dalam ayat nombor 2, perintah menunaikan amanah dalam ayat nombor 3, golongan *al-Sadiqin* dalam ayat nombor 5, orang yang dipilih Allah dan muslimin dalam ayat nombor 8, orang yang mempunyai ilmu tentang kitab dalam ayat nombor 9, *ahli al-zikri* di dalam ayat nombor 10 dan orang-orang yang mantap ilmunya, orang-orang yang mengetahui takwil al-Quran yang disebut dalam ayat nombor 11 adalah khusus bagi keluarga Nabi Muhammad sahaja. Hanya mereka sahaja yang dimaksudkan pada ayat-ayat ini, bukan umat Islam dan para muslimin.

Begitu juga Syiah berpendapat umat pertengahan yang disebut dalam ayat nombor 7 hanya dikhatusukan kepada Syiah sahaja. Mereka mengatakan: "Kamilah umat pertengahan, kamilah saksi-saksi Allah ke atas makhluknya dan hujjahnya di bumi ini."<sup>13</sup>

Walaupun Syiah berpendapat *Imamah* sama dengan *Nubuwwah*, ada penulis-penulis mereka yang berusaha mengemukakan perbezaan antara kedua-dua istilah ini.

Syeikh Muhammad al-Husin Ali-Kasyif menjelaskan perbezaan ini dengan mengatakan bahawa jawatan *Imamah* adalah jawatan dari Ilahi, sama seperti jawatan *Nubuwwah*. Sebagaimana Allah memilih siapa yang dikehendaki-Nya di kalangan hamba-Nya dan kemudian dibantu-Nya dengan mukjizat yang dianggap sebagai nas dari Allah, begitu jugalah Allah memilih di kalangan hamba-Nya sebagai imam.

Allah memerintah para nabi-Nya dengan nas. Allah memilih seseorang untuk menjadi imam kepada manusia dan menjalankan tugas-tugas yang telah dilakukan oleh Rasul-rasul.<sup>14</sup>

Dalam penulisannya, al-Kulaini menukilkan perbezaan antara, Rasul nabi dan imam. Mengikut beliau, Rasul ialah orang yang malaikat Jibril turun kepadanya, melihat Jibril dan mendengar percakapannya, wahyu turun kepadanya, atau mungkin dia melihatnya dalam tidurnya seperti mimpi Nabi Ibrahim ‘alaihissalam. Manaka la nabi pula mungkin dapat mendengar kalam, mungkin juga melihat Jibril tetapi tidak mendengar perkataannya. Sedangkan imam pula ialah yang dapat mendengar perkataan Jibril tetapi tidak dapat melihatnya.<sup>15</sup>

Menjawab pertanyaan Abu Khalid al-Kabili mengenai ayat 7 daripada surah ke 64 *al-Taghabun* yang mengandungi perintah Allah supaya beriman kepada-Nya, Rasul-Nya dan Nur yang diturunkan-Nya Imam Abu Jaafar berkata:

“Wahai Abu Khalid, Demi Allah, Nur (cahaya dalam ayat itu) adalah nur (cahaya) para imam dari keluarga Nabi Muhammad s.a.w. hingga ke hari kiamat. Demi Allah, mereka itu lebih bercahaya di dalam hati para mukminin daripada cahaya matahari yang bersinar di siang hari.<sup>16</sup>

Ringkasnya, Syiah berpendapat perlantikan imam adalah urusan Allah. Oleh itu *Imamah* adalah suatu pengkhususan dari Allah kepada sekumpulan orang tertentu dengan sifat dan pengenalannya.<sup>17</sup>

### Imam

Bertolak dari konsep perlantikan oleh Allah, Syiah berpendapat salah satu dari sifat imamah ialah ‘*Ismah* atau maksum. ‘*Ismah* juga disebut sebagai “Kekuatan minda dan keupayaan jiwa yang terdapat pada diri orang yang maksum”. Kekuatan minda dan keupayaan jiwa ini merupakan natijah dari sebab-sebab yang boleh diikhtiarkan dan tidak boleh diiktibarkan, kerana kesediaan, kebolehan menerima dan latihan diri mempunyai pengaruh dalam merealisasikan ‘*Ismah*. Seolah-olah ‘*Ismah* itu hasil dari dua perkara sekaligus: *Lutf Ilahi* dan latihan diri. *Lutf Ilahi* dari Allah dan latihan diri dari hamba.<sup>18</sup>

‘*Ismah* dapat ditafsirkan dalam dua penafsiran.

Pertama: ‘*Ismah* ialah perbuatan Allah ke atas mukallaf. Natijah dari kesempurnaan dalam diri individu ia akan menjauhi perbuatan maksiat. Ada empat perkara yang menatijahkan maksum.

- i. Diri manusia itu sendiri mempunyai bakat atau sifat semulajadi yang menghalangnya dari perbuatan jahat dan mendorongnya membersihkan diri.
- ii. Mengetahui punca dan sumber dosa begitu juga punca dan sumber ketaatan.
- iii. Pengukuhan ilmu pengetahuan berkenaan oleh wahyu dan penjelasan dari Allah.
- iv. Sekiranya kesalahan berlaku kerana lupa atau kelalaian ia tidak dibiarkan

begitu sahaja. Ia mesti dibalas dan diberi amaran.

Kedua: ‘*Ismah*’ ialah *Lutf* yang dapat mencegah mukallaf daripada melakukan sesuatu yang buruk dengan daya usahanya sendiri. Mungkin *Lutf* ini luar dari 4 perkara yang disebutkan di atas. Namun demikian ‘*Ismah*’ secara umum bererti himpunan *Lutf* yang dengannya mukallaf enggan melakukan perkara buruk dalam tempoh taklifnya.<sup>19</sup>

Bagi al-Taftazami, inilah tafsiran ‘*Ismah*’ yang tepat. Kerana sekiranya ‘*Ismah*’ itu merupakan sifat khusus dalam diri dan dengannya perbuatan dosa tidak berlaku tidak ada faedahnya seorang ditaklif meninggalkan dosa dan sudah tentu ia tidak diberi pahala.<sup>20</sup>

Syiah Imamiyah berpendapat imam samalah dengan Nabi. Beliau mempunyai tanggungjawab agama yang asasi. Nabi menyampaikan Syariat, imam pula memeliharanya. Beliau adalah hujjah agama. Oleh kerana Nabi perlu maksum dalam penyampaian dan apa yang disampainya begitulah juga pemelihara (Imam) perlukan sifat maksum. Maksum ialah sifat *Lutf* yang dapat menghalang mukallaf dari melakukan perkara buruk dengan pilihan sendiri.<sup>21</sup>

Bagi Syiah ada 4 perkara yang menjustifikasi sifat ‘*Ismah*’ :

- i. Pendorong kepada perlantikan imam ialah kemungkinan umat melakukan kesalahan. Sekiranya imam melakukan kesalahan sama seperti rakyat biasa maka sudah tentu perlu kepada yang lain. Ini akan mengakibatkan satu putaran yang tak berakhir. Ia tidak diterima akal. Oleh itu ‘*Ismah*’ adalah suatu yang wajib.
- ii. Tujuan perlantikan imam untuk memelihara Syariat. Orang yang maksum layak memelihara Syariat.
- iii. Allah memerintahkan rakyat taat kepada imam. Perintah ini umum untuk semua hal. Sekiranya imam tidak maksum, berkemungkinan beliau memerintahkan yang salah. Dalam keadaan ini, sekiranya kita wajib mentaatinya akan berlaku perintah melakukan dua perkara yang bercanggah. Ini adalah mustahil.
- iv. Sekiranya imam mungkin melakukan kesalahan, sudah pasti darjatnya jatuh lebih rendah dari rakyat biasa, kerana imam paling arif tentang keburukan perbuatan maksiat, dan kebaikan perbuatan taat. Oleh itu maksiat yang dilakukan oleh imam lebih buruk dari maksiat yang dilakukan oleh orang awam, kerana orang ‘alim yang tidak mengamalkan apa yang dia tahu lebih buruk dari orang yang tidak tahu’.<sup>22</sup>

Penulisan al-Tusi menunjukkan Syiah membezakan antara sifat ‘*Ismah*’ dan sifat adil yang diwajibkan ke atas imam. Bagi mereka, sekalipun ‘*Ismah*’ dan adil sama dari sudut kedua-duanya merupakan satu kekuatan dan bakat yang terdapat dalam diri, tetapi ‘*Ismah*’ merupakan penyebab total kepada perlakuan taat dan kebaikan. Ia juga penghalang kepada perlakuan jahat dan maksiat. Di samping itu, dari sudut keberkesanannya ia berhubung terus dengan Allah, sedangkan adil hanya merupakan natijah dari perbuatan taat dan meninggalkan maksiat. Ia bukannya

penyebab. Selain dari itu adil berhubung dengan Allah hanya dari sudut taufiq dan hidayah bukan dari sudut keberkesanannya. Adil lebih bergantung kepada latihan sedangkan '*Ismah* lebih bergantung kepada *LutfiLah*.<sup>23</sup>

Sifat '*Ismah*' ini sabit kepada semua para imam Syiah.<sup>24</sup> Bagi Syiah, hanya mereka sahaja yang berpendapat imam itu maksum. Kerana bagi mereka orang yang menjadi perantaraan antara Allah dan makhluk mestilah bersifat maksum, samaada ia nabi atau imam.<sup>25</sup>

Oleh kerana imam dilantik oleh Allah, Syiah berpendapat imam atau ketua negara tidak boleh meletak jawatan atas apa-apa sebab sekalipun. Kerana, mana mungkin orang yang telah dilantik oleh Allah meletak jawatan. Kepada siapa ia akan mengemukakan perletakan jawatannya sedangkan umat tidak campurtangan dalam perlantikannya. Kalau pada peringkat awal (perlantikan) umat tidak campurtangan, mereka juga tidak ada hak campurtangan di peringkat akhir (perletakkan jawatan). Kalau umat tiada pilihan selain menerima perlantikannya, imam juga tiada jalan untuk melepaskan diri dari tanggungjawab ini kecuali dengan menyerah nyawanya kepada Allah.<sup>26</sup>

Namun demikian konsep tidak meletakkan jawatan ini bercanggah dengan kejadian sejarah yang berlaku ke atas dua tokoh utama Syiah, Hasan dan Husin bin Ali. Hasan meletak jawatan dan menyerahkannya kepada Mu'awiyah, sedangkan beliau mempunyai penyokong yang kuat. Husain pula bertindak memerangi Yazid bin Mu'awiyah sedangkan beliau tidak mempunyai penyokong yang kuat. Menganggap benar salah satu tindakan ini akan meletakkan yang satu lagi bersalah. Ini tidak mungkin, kerana imam itu maksum. Kejadian ini telah bercanggah dan menjelaskan akidah pegangan Syiah.

Untuk menyelesaikan keadaan yang bercanggah ini mereka mengemukakan satu teori lain, kesimpulannya: Imam boleh meninggalkan *Imamah* pada zahir (tapi bukan pada batin) atas dasar *Taqiyah*, seperti yang dilakukan oleh Hasan dan imam-imam yang terkemudian selepas pembunuhan Husin.

Namun pada logiknya, jika imam boleh meletak jawatan pada zahir atas dasar *taqiyah*, sepatutnya tidak ada halangan beliau meletak jawatan pada zahir dan batin atas sebab-sebab tertentu.<sup>27</sup>

Bertolak dari sifat '*Ismah*' juga Syiah berpendapat imam tidak terpecat dan tidak boleh dipecat atas sebab-sebab jenayah yang dilakukannya. Bagi mereka, umat tidak berhak memecat imam kerana mereka tiada kuasa dalam melantiknya.

Bagaimana mungkin manusia biasa yang sering dipengaruhi hawa nafsunya boleh mempertikaikan orang yang bersifat maksum. Bagaimana ummah boleh mempertikaikan urusan yang telah dikehendaki Allah. Sedangkan kenyataan dari Allah menyebutkan: Allah mencipta apa yang dikehendakinya dan membuat pilihan. Mereka tidak punya pilihan, maha suci Allah dari apa yang mereka sekutukan.<sup>28</sup>

Orang awam tidak boleh mempertikaikan tindakan-tindakan iman, sekalipun yang bercanggah dengan Syariat. Ini dapat dilihat dari satu riwayat yang dinukilkkan oleh al-Qadi al-Nu'man: Diriwayatkan ada pegawai dari Khurasan yang minta izin kepada seorang *da'i* untuk bertemu dengan setengah para imam. Beliau tidak

diizinkan berbuat demikian. Beliau memohon lagi dengan bersungguh-sungguh dan memujuk supaya diizinkan. *Da'ie* itu menjawab:

"Celaka kamu, kedudukan kamu sekarang di sini lebih selamat dan lebih afiat."

Pegawai tersebut bertanya: "Bagaimana?" *Da'ie* itu menjawab: "Kamu disini berada dalam keadaan yakin dan makrifat terhadap imam kamu dan para imam, jika mereka keluar kerana sesuatu perintah Allah segala urusan mereka tidak berlaku kecuali atas dasar bermu'amalah dengan penghuni dunia dengan urusan dunia. Saya bimbang jika anda sampai ke tempat imam anda akan melihat sebahagian dari urusan itu dan anda mengingkarinya dengan lidah dan hati anda, dengan itu anda binasa dan amalan anda juga turut binasa."

Pegawai berkenaan menjawab lagi: "Saya bukan dari orang yang mengingkari sedikitpun dari urusan itu." Beliau terus merayu minta diberi izin bertemu dengan imam. *Da'ie* menjawab: "Kiranya tiada jalan lain, saya minta janji setia anda, seperti saya memberikannya dulu. Berjanjilah, jika anda melihat dengan mata kepala anda imam berzina, minum arak dan melakukan kejahanan, (memang Allah melindungi para imam darinya) anda mestilah jangan mengingkarinya dengan hati dan lidah anda. Anda mesti jangan ragu-ragu bahawa itu adalah hak dan benar." Pegawai berkenaan menjawab: "Ya, terimalah janji setia saya."<sup>29</sup>

Meneliti kepada riwayat ini nyata bahawa individu hanya dituntut untuk mencari alasan terhadap sebarang tindakan imam yang bercanggah dengan Syariat. Beliau tidak boleh berfikir untuk mengingkarinya.

Melihat kepada apa yang ditulis oleh al-Kulaini, rakyat biasa bukan sahaja tidak dapat mempertikaikan tindakan imam, malah mereka sendiri tertakluk kepada budibicara imam. Dalam al-Kafi disebutkan: Hamba (rakyat awam) dapat mencapai keredhaan (para imam) berdasarkan belas kasihan dan kemurahan para imam untuk meredhai rakyat. Para imam menerima amalan mereka (rakyat) kerana para imam tahu keikhlasan mereka dan menilai pengorbanan mereka serta bukan kerana penerimaan itu merupakan hak rakyat dan natijah dari kewajipan yang mereka lakukan.<sup>30</sup>

### Imam Ghaib, Bukan Mati .

Mazhab Syiah berpegang dengan konsep keghaiban iman. Bagi mereka imam Syiah yang terakhir; al-Mahdi al-Muntazar tidak mati. Beliau masih hidup hingga kini, tetapi menghilang diri "ghaibah" dan tinggal di satu tempat tertentu.

Al-Kulaini meriwayatkan daripada Yaman al-Tammar, beliau mengatakan: Kami duduk bersama-sama Abu 'Abdullah 'Alahi al-Salam lantas beliau berkata: Sesungguhnya bagi pemegang kuasa urusan ini (imam) ada keghaiban. Mereka yang berpegang padanya (konsep *ghaibah*) dalam agamanya samalah seperti tali bagi pedana.<sup>31</sup>

Syiah membahagikan "Ghaibah" (menghilangkan diri) kepada dua peringkat: pendek dan panjang. Al-Kulaini sekali lagi meriwayatkan daripada Ishak bin `Ammar, beliau menyebutkan bahawa Abu `Abdullah `alaihi al-Salam berkata: Imam mempunyai dua keghaiban, salah satunya pendek dan keduanya panjang. Dalam keghaiban pendek tempat di mana dia berada tidak diketahui kecuali kalangan khusus pengikutnya.

Ghaib yang kedua pula tidak diketahui tempat tinggalnya kecuali oleh kalangan khusus dari pembantu-pembantunya sahaja. Dari riwayat lain pula Mufadhal bin 'Umar menyebutkan beliau mendengar Abu `Abdullah `alaihi al-Salam berkata: Imam mempunyai dua keghaiban, salah satu darinya beliau kembali dari keghaiban nya itu kepada keluarganya, dan yang satu lagi disebut "Halak" dia berada di mananya tanah rendah.<sup>32</sup>

Menurut keyakinan Syiah, dalam tempoh keghaibannya itu imam berhubung dengan orang ramai melalui duta-dutanya. Mereka inilah yang menyampaikan ajaran-ajarannya kepada orang ramai. Duta-duta itu terdiri daripada empat orang, yang terakhir ialah 'Ali bin Muhammad al-Samri.

Setelah 'Ali bin Muhammad al-Samri meninggal *Ghaibah Sughra* (kecil) pun tamat dan bermulalah *Ghaibah Kubra* (besar).<sup>33</sup>

Pengikut-pengikut Syiah berselisih pendapat dalam menentukan siapakah sebenarnya Imam al-Mahdi al-Muntazar yang dianggap masih hidup. Beliau tidak dibunuh, tidak mati hingga dunia ini dipenuhi keadilan seperti mana ia dipenuhi kezaliman.

Syiah al-Kisaniyah berpendapat beliau ialah Muhammad bin 'Ali yang masyhur dikenali dengan gelaran Ibn Hanafiyah. Kumpulan ini berkeyakinan al-Muntazar tinggal di Bukit Radhwa. Beliau memiliki satu punca yang mengalirkan air dan satu lagi mengalirkan madu. Beliau minum dari kedua-dua sumber ini. Beliau juga memiliki seekor singa dan seekor harimau yang sentiasa memeliha ranya daripada musuh. Dia bersembunyi hingga diizinkan untuk keluar pada satu ketika nanti.<sup>34</sup>

Bagi kumpulan al-Mughiriyyah pula, al-Muntazar itu ialah Muhammad bin Abdullah bin al-Hasan bin 'Ali bin Abi Talib. Dia digelar "*Zi al-Nafs al-Zakiyah*" (yang punya jiwa suci). Beliau telah dibunuh oleh al-Mansur, tetapi golongan ini yakin bahawa beliau tidak dibunuh. Dia masih hidup dan tinggal di Bukit Hajiz (Bukit Terlindung) di sebelah Najd.<sup>35</sup>

Kumpulan al-Imamiyah al-Ithna'asyariyah pula berpendapat al-Muntazar ialah Muhammad bin al-Hasan bin 'Ali al-'Askari. Mereka berkeyakinan beliau telah masuk dalam kepersembuniannya di Samira sewaktu beliau masih kecil. Ada yang mengatakan semasa berumur dua tahun, ada yang mengatakan tiga dan ada yang mengatakan semasa berumur lima tahun.<sup>36</sup>

Hingga ke hari ini Syiah menunggu kemunculan al-Mahdi al-Muntazar.

**Nota Kaki**

1. Al-Syirazi Muhammad Jawad' *al-Kawakib al-Mudhia'h Li al-Syiah al-Mardhiya Fi Qiyam al-Hujaj al- Imamiyah Dhiddaa al-Zaidiyah* , Manuskrip Moikrofilm No. 108 Universiti Jordan Salinan dari Universiti Princeton no. 2443.
2. Al-Imam al-Ridha Abu al-Hasan 'Ali bin Musa, *Musnad Imam al-Ridha* dikumpul dan disusun oleh al-Syiekh 'AzizulLah al-'Ataradi al-Khabusyti, Maktabah al- Saduq, Tehran 1392H. Jld. 1, hh. 98.
3. Al-Kulaini Abu Ja'afar Muhammad bin Yusuf bin Ishak, *al-Usul Min al-Kafi*, Daral-Kutub al- Islamiyah Tehran 1388H. Jld. 1 hh. 390.
4. Al-Tusi Abu Ja'afar, *Takhisis al-Syafi*, al-Najf 1393 Jld. 4, hh. 131 - 132.
5. Ibn Mutahhar al-Hilli Jamaluddin al-Hasan bin Yusuf bin 'Ali bin Muthhar al-Hilli; *Tazkirah al-Fugaha*' , al-Maktabah al-Murtadhwiyah Li Ehya' al-Athar al- Ja'a fariyah. T.T. Jld. 1, hh. 2.
6. Al-Syirazi Muhammad al-Mahdi al-Husaini al-Syiraz, *al-Qaul al-Sadid Fi Syarhi al-Tajrid* Matba'a'ah al- Adab al-Najf al-Asyraf 1960. hh. 395.
7. Al-Muzaffar Muhammad al-Ridha, 'Aqaid al-Imamiyah, Dar al-Nu'man Li al-Tiba'ah wa al- Nasyrial-Najd. T.T. hh. 66.
8. Al-Tusi Abu Ja'afar, *op.cit.* , Jld. 1, hh. 10, Lihat juga hh. 26, 31,32, 37, 44 dan 45; Abdul Husain Syarafuddin al-Musawi, *al-Muraja'at* , Helb 1971, hh. 160; Abu Hanifah al-Maghribi al-Nu'man bin Muhammad bin Mansur bin Ahmad al-Tamimi, *Da'aimu al-Islam wa Zikru al-Halal wa al-Haram wa al-Qadhaya wa al-Ahkam 'An Ahli RasulilLah 'Alaihi Wa 'alaikum afdhalu al-Salam*. Cairo 1969, Tahqiq Asif bin 'Ali Asfar Faidhi, Jld. 1, hh. 14, 15 dan 26.
9. Al-Tarmuzi Muhammad bin 'Isa bin Surah, *Jami'e al-Turmuzi*, Manaqib 19.Ibn Majah Muhammad bin Yazid bin Majah, *Sunan Ibn Majah*, Muqaddimah 11. Ibn Hambal, Ahmad bin Hanbal, *Musnad al-Imam Ahmad* 1/82, 118, 119, 152.
10. Al-Syeikh Abdul Husain Ahmad al-Amin, *al-Ghadir fi al-Kitab wa al-Sunnah wa al-Adab* , al-Najf, T.t.
11. Al-Karamani Ahmad bin Hamid al-Din, *Rahatu al- 'Aqli*, Cairo 1952, hh. 408-409. Tahqiq Dr. Muhammad Kemel Husain.
12. Al-Tusi Abu Ja'afar, *op.cit.* , Jld. 1, hh. 133, 134, 149 dan 150.
13. Abu Hanifah al-Maghrib, *op.cit.* , Jld. 1, hh. 20- 23.
14. Al-Syeikh Muhammad bin Husain - Ali Kasyif, *Asl al- Syiah wa Usuluha*, Al-Matbaah al- Haidariyah al-Najf 1965, h. 82.
15. Al-Kulaini, *op.cit.* , Jld. 1, h. 176.
16. *Ibid* , Jld. 1, h. 193.

17. Al-Syirazi Muhammad Jawad, *op.cit.*, Kertas 8.
18. Al-Tusi Abu Ja'afar, *op.cit.*, Jld. 1, hh. 71-72.
19. Ibn Abi al-Hadid 'Izzuddin bin HibatulLah, *Syarh Nahju al-Balaghah*, Maktabah al-Hayat, Beirut 1963, Tahqiq Syikh Husain Tamim. Jld. 2, hh. 579-580.
20. Al-Taftazani Sa'aduddin, *Syarh al-'Aqa'id al-Nasafiyyah*, Matba'ah Kurdistan al-'Ilmiyah, Cairo 1329H, Jld. 1, h. 200.
21. Ibn. Abi al-Hadid, *op.cit.*, Jld. 7, h. 8.
22. Sila rujuk persoalan 'Ismah dalam al-Syirazi Muhammad al-Mahdi, *op.cit.*, hh. 346-348. Ibn Mutahhar al-Hilli, *op.cit.*, hh. 452-453. Al-Syirazi Muhammad Jawad, *op.cit.*, Kertas 5, 26.
23. Al-Tusi Abu Ja'afar, *op.cit.*, Jld. 1, hh. 71-72.
24. Al-Razi Fakhrudin Muhammad bin 'Umar, *I'tiqadat Firaq al-Muslimin wa al-Musyrikin*, Cairo 1938. Tahqiq Dr. 'Ali Sami al-Nasysar, h. 56.
25. Al-Tusi Abu Ja'afar, *op.cit.*, Jld. 1, h. 201.
26. Al-Nubakhti Abu Muhammad al-Hasan bin Musa, *Firaq al-Syiah*, al-Matba'ah al-Haidariyah, al-Najf 1959, h. 25.
27. Al-Murtadha Ahmad bin Yahya bin al-Murtadha, *al-Bahru al-Zakhkhar al-Jami'e Limazahib 'Ulama' al-Amsar*, Muassah al-Risalah, Beirut, 1975, Jld. 6, h. 387.
28. Al-Quran, *al-Qasas* 28:86.
29. Al-Qadi al-Nu'man bin Muhammad al-Maghribi, *al-Himmah fi Adab Atba'a al-Aimmah*, Dar al-Fikri al-'Arabi T.T. Tahqiq Dr. Muhammad Kamel Husain, hh. 130-131.
30. *Ibid*, hh. 92-93.
31. Al-Kulaini, *op.cit.*, Jld. 1, hh. 335.
32. *Ibid.*, Jld. 1, hh. 340.
33. Al-Hairi al-Syikh Mizar 'Ali, *'Aqidat al-Syiah*, Matbaah Ahlul bait, Karbla' 1384H, hh. 46-49.
34. Dr. Yusuf al-'Isy, *Muzakkirat fi al-Firq wa al-Mazahib al-Tauhidiyah Fi al-Islam*, Nota Kuliah tahun dua Kuliah Syariah Universiti Damsyik 1963/64 hh. 26.
35. Al-Asfira' ini Abu Al-Muzaffar Syahfor bin Tahir bin Muhammad, *al-Tabsir fi al-Din*, Maktabah al-Khanji, Cairo 1955 Ta'liq Muhammad Zahid al-Kautuari, h. 35.
36. Ibnu Taimiyah Taqiyuddin Ahmad bin Abdul Halim, *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyah Fi Naqdhi Kalam al-Syiah wa al-Qadariyah*, Matba'ah al-Amiriyah, Cairo 1321H. Jld. 2, h. 131.